

# Polis akan menyiasat — Megat Junid

KUALA LUMPUR 9 Feb. — Polis akan menyiasat dakwaan kononnya gambar Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang ditonjolkan sebagai 'presiden pertama negara' disebarikan secara meluas di Jajahan Bachok, Kelantan sejak akhir-akhir ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Megat Junid Megat Ayob berkata, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menyerahkan kepada polis untuk menyiasat perkara tersebut.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat rombongan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) yang diketuai oleh

Timbalan Yang Dipertuannya, Lee Lam Thye di pejabatnya di sini hari ini.

Dalam satu kenyataan akhbar semalam, Naib Ketua Penggerak Pemuda UMNO Kelantan, Hilmi Yusoff mendedahkan bahawa kegiatan tersebut berleluasa sejak akhir-akhir ini di Jajahan Bachok.

Katanya, penyebaran gambar tersebut yang dilakukan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab, tertumpu di masjid, surau, kedai kopi, pasar malam dan tempat-tempat tumpuan orang ramai.

Mengenai keistimewaan raja-raja, Megat Junid berkata, KDN telah menarik balik perkhidmatan

pengawal peribadi yang diberikan kepada raja-raja.

Beliau menambah, KDN akan menarik segala keistimewaan raja-raja yang tidak terkandung dalam perlembagaan, secara berperingkat-peringkat.

Megat Junid berkata, sejak kerajaan meluluskan pindaan perlembagaan di Parlimen, 'keadaan bertambah baik' dan rakyat tidak takut kepada raja-raja.

"Kalau dahulu rakyat takut kepada raja-raja tetapi kini keadaan telah berubah," ujarnya.

Kepada satu soalan, Megat Junid berkata, KDN dan polis akan terus menjalankan operasi memberkas pendatang asing.